



75
HERITA

KANAK-KANAK II



oleh

O.S.Arshad

Penerbit: SINARAN BROS.

ANAK DERHAKA

Ada suatu tempat bernama Batu Sangkar, dudok-nya di-daerah Minangkabau - Indonesia. Di-sana terdapat sa-buah mata ayer, yang sangat menarek perhatian orang ramai dari semenjak dahulu. Ayer-nya panas dan sentiasa menggelegak. Kelihatan dalam ayer itu berangkai-rangkai lumut panjang saperti rambut perempuan.

Maka tersebut-lah pada sa-buah kampong yang berhampiran dengan Batu Sangkar itu. Di-sana ada diam sa-orang janda dengan sa-orang anak perempuan-nya bernama Kamariah.

Rupa Kamariah ini sangat chantek, tidak ada tolok banding-nya di-seluroh daerah. Badan-nya tinggi lampai, kulit-nya berwarna ke-kuningan langsat, dan rambut-nya hitam mengkilat, serta panjang lebat.

Orang-orang di-daerah negeri itu hairan benar melihat gadis itu yang berlainan daripada perempuan-perempuan lain.

Ibu Kamariah sangat berinegah mempunyai anak yang demikian baik parasnya itu. Anak gadisnya ini di-manja-manjakan dan dipuji-puji sepanjang hari. Sadikit pun tidak diberi bekerja, baik pun di-dalam rumah apa-tah lagi ka-sawah ladang. Kamariah di-biarkan bersenang-senang sahaja. Di-belikan-nya bermacham-macham pakaian yang bagus-bagus. Kerja Kamariah tidak ada lain, melainkan sentiasa bersolek dan menukar-nukar pakaian sepanjang hari.

Dengan demikian Kamariah telah menjadi sa-orang gadis yang manja dan sompong, apa-tah lagi pada diri-nya sedia tersemat perangai atau sifat tinggi hati dan chongkak.

Orang-orang kampong di-sekeliling rumah Kamariah agak chemas melihat keadaan gadis itu, apa-tah lagi kerana melihat ibu-nya itu sa-orang tani yang sederhana sahaja.

Pada satu hari Kamariah dan ibu-nya berhajat hendak berjalan-jalan ka-sabuah kampong lain yang ma'mor dan ternama. Di-kampong itu sangat banyak rumah-rumah orang yang indah dan sawah-sawah ladang yang luas.

Maka Kamariah pun bersiap-lah, bersetlek dan berhias, hingga ta' ubah rupa-nya nam-pak saperti anak sa-orang "orang kaya".

Mereka berdua beranak itu berangkat berjalan dari rumah-nya pada pagi hari, supaya sebelum waktu dzohor mereka telah sampai balek ka-ruinah. Waktu akan berangkat, Kamariah telah berkata kepada ibu-nya, "Aku berjalan di-hadapan, ibu hendak-lah di-belakang belakang aku sahaja. Jangan berdekatan sangat ibu dengan aku, supaya orang tidak tahu bahawa engkau ibu-ku!"

Ibu Kamariah merasa agak hairan mendengar perkataan Kamariah, akan tetapi perkataan ini tidak-lah sangat di-ambil berat oleh si ibu, kerana dia sudah biasa mendengar dan menerima perkataan-perkataan yang sombong dan tajam dari mulut anak-nya.

Maka berjalan-lah mereka melalui sawah ladang, menyeberangi sungai dan gelong ayer. Sepanjang perjalanan Kamariah dan ibu-nya ta' berkata-kata. Kamariah melenggang dan mengayun-ngayun tangan-nya dengan sombong dan megah. Sedangkan ibu-nya yang berpakaian burok itu berjalan jauh tinggal di-belakang.

Berberapa lama mereka berjalan itu, maka sampai-lah mereka pada sa-buah kampong yang di-tujuji itu. Baharu sahaja masok ka-lorong tersebut, orang-orang telah berlari berkerumun melihat gadis yang chantek itu. Sakalian orang-orang hairan menyaksikan kechantekan-nya. Sa-tengah ada orang berkata, "Anak raja-kah dia ini!?" Dan ada pula sa-tengah orang yang berkata, "Harus bidadari yang turun dari langit?" Demikian-lah ramai orang berbisek-bisek dan berchakap-chakap sama sendiri waktu itu.

Sampai sahaja di-hadapan Balai A'dat yang besar serta di-hiasi dengan ukiran-ukiran yang indah dan bertulis dengan ayer emas, maka Kamariah dan ibu-nya pun di-jumput oleh beberapa orang perempuan supaya singgah di-Balai A'dat itu.

"Silakan singgah dahulu ka-balai kami, ayohai tuan puteri!", kata mereka yang ramai-ramai tadi.

Kamariah memang ingin hendak masok ka-dalam balai yang amat indah itu. Maka sa-hut-nya, "Ya, baik-lah, aku sangat penat dari perjalanan-ku yang jauh ini."



Maka dia pun menerima-lah panggilan dan jemputan singgah itu. Waktu mereka akan masuk ka-dalam halaman yang berpagar pokok puding emas itu, salah sa-orang antara mereka berkata: "Bawa-lah masuk perempuan tua kawan tuan puteri itu bersama!"

Maka jawab Kamariah, "Ah, biar-lah dia duduk menunggu di-luar dekat pagar ini. Dia ia-lah budak belian (hamba) ayah-ku."

Memanchar peloh-peloh kecil ibu Kamariah, bila mendengar perkataan yang menusuk jantong-nya itu, akan tetapi dia diam sahaja, menahan sabar hati-nya yang telah geram itu, sambil berkata dengan lemah, "Ya, bair-lah aku duduk di-sini melepaskan penat."

Kamariah bersama-sama orang itu pun masuk-lah ka-dalam Balai A'dat itu. Tikar pandan yang puteh melepak pun di-bentangkan orang, sedangkan hidangan makanan di-siapkan untuk gadis ini, kerana pada sangka mereka gadis itu ia-lah sa-orang anak raja, yang telah tersesat ka-kampong itu. Kamariah sangat-lah di-hormat dan di-muliakan.

Sesudah santapan dan minuman tersedia,

naaka berkata-lah sa-orang daripada mereka yang dindok: "Hantarkan-lah ayer dan makanan kapada perempuan tua yang ada di-luar itu."

Maka dengan tiba-tiba Kamariah menjawab: "Beri sahaja-lah ayer mentah sa-tempurong. Di-rumah pun dia tidak pernah di-beri makan minum di-dalam pinggan dan chawan."

Oleh kerana hari telah hampir masuk waktu dzohor, Kamariah pun bermohon hendak pulang. Atas permintaan orang-orang di-situ, Kamariah berjanji akan datang lagi.

Orang-orang turut menghantar Kamariah kajalan besar (raya).

Ibu-nya masih juga dudok menunggu di-tengah panas yang terik, hingga badan-nya basah kuyup dengan celoh.

"Ayoh, iringkan-lah aku pulang," kata Kamariah dengan sompong-nya kapada si-ibu itu. Maka orang tua itu pun bangun, lalu diiringkan anak-nya yang derhaka itu. Mereka berjalan menuju ka-kampong halaman sendiri. Akan tetapi masa itu udara sangat panas, kerana matahari telah tinggi melangit.

Dalam perjalanan itu maka sampai-lah mereka pada sa-buah mata ayer. Ayer-nya ber-warna biru dan kelihatan sangat sejok.

Tiba-tiba Kamariah berhenti dan berpa-ling ka-belakang sambil berkata: "Ibu, aku sa-ngat panas, biarlah aku mandi di-mata ayer ini dahulu."

"Baik-lah,..... buat-lah apa kchendak-mu," jawab ibu-nya. Gadis itu membuka pakai-an dan perhiasan-nya, kemudian dia turun masok ka-dalam ayer. Rambut-nya yang panjang itu terapong-apong da-muka ayer.

Dengan sekonyong-konyong, ibu-nya yang dudok di-tepi mata ayer itu, berdiri dan melihat ka-atas, lalu berkata sambil menunjok-nunjok kapada Kamariah: "Hai kamu anak derhaka! Jika perkataan sa-orang ibu di-dengarkan oleh bumi, langit dan matahari, maka masak-lah engkau di-rebus dalam ayer ini."

Sebentar itu juga ayer yang kelihatan biru tadi, telah beransor tukar menjadi warna kekuningan.

"Ibu, tolong!" kata Kamariah sambil ba-

ngun hendak lari keluar. Akan tetapi rambutnya yang panjang itu telah terkait ka-ranting kayu mati yang ada di-tepi mata ayer itu. Beberapa kali di-chuba-nya bangun ta' dapat, dia terpelanting ka-dalam ayer itu kembali.

Ayer itu mulai menggelegak saperti ayer yang baharu di-masak. Kamariah menjerit-jerit kesakitan, kerana seluroh badan-nya mulai lechor.

Ibu yang selama ini sangat kasih akan anak-nya, sekarang telah bertukar menjadi seteru yang kejam. Ia berdiri di-tepi mata ayer itu sambil berkata: "Aku bukan ibu-mu aku budak belian. Ta' dapat aku menulong engkau, kerana aku budak yang ta' berdaya sahaja."

Ayer itu makin lama makin menggelegak dan bertambah panas. Keluar asap bergumpal-gumpal.

Kamariah menjerit dan meinekek dengan sekuat-kuat hati-nya: "Ibu, ibu! Tolong, tolonglah aku. Ta' tertahan panas-nya ini!"

Ibu-nya ta' bergerak sedikit pun. Badan Kamariah mulai lechor dan masak rupa-nya. Sa-bentar kelihatan kepala bercheri dari badan-

nya. Walau pun demikian terdengar lagi suaranya berbunyi sayup-sayup: "Ibu....., ampun....., ibu tolong!"

Waktu itu baharu-lah ibu Kamariah bergerak, dan sedar akan diri-nya. Pada sa'at itu timbul-lah kembali rasa kasehan kepada anak-nya. Si-ibu terus melompat ka-dalam ayer yang sedang menggelegak itu.

"Biar-Jah kita mati bersama-sama", kata ibu Kamariah bagi kali yang pengabisan.....

Hingga sekarang mata ayer itu masih menggelegak dan berasap terus. Tampak-lah di-dalam-nya lumut-lumut panjang berangkai-rangkai seperti rambut perempuan tergerbang.

Dari mulut ka-mulut tersiar-lah riwayat mata ayer ini, yang boleh menjadi satu pelajaran kapada anak-anak muda.

SEKIAN-LAH.



BUDAK DENGAN UALAR

Pada suatu hari dalam musim sejok di-England, telah berlaku suatu kejadian yang boleh memberi pelajaran kepada anak-anak.

Hawa pada masa itu sangat redup dan sejok sa-olah-olah hendak turun hujan.

Sa-orang kanak-kanak lelaki sedang berjalan pulang ka-rumah-nya dari sekolah. Oleh kerana udara sa-kaliling sangat sejok maka budak lelaki itu berjalan-lah dengan agak pantas sadikit. Dalam perjalanan-nya itu sekonyong-konyong ia telah berjumpa dengan sa-ekor ular yang telah kaku kesejokan, sedang terbaring di-tengah-tengah jalan, dan harus hampir-hampir mati.


Kelihatan ular itu sangat chantek barek-barek warna kulit-nya. Oleh budak itu di-ambil-nya sa-puntong kayu dan di-sodok-nya akan ular itu serta di-bawa-nya pulang ka-rumah-nya.

Sa-telah sampai, ia pun terus pergi ke-ungguan api (tempat berdiang bila musim sejok) yang telah sedia ada di-nvalakan dalam rumahnya. Lalu di-angkat-nya ular tadi dan di-diangkan-nya di-tepi api yang sedang marak itu. Sa-bentar kelihatan-lah ular itu bergerak perlahan-lahan menjadi segar dan kuat sa-mula.

Kemudian dengan tiba-tiba kepala ular itu pun menchodok bersedia hendak mematok budak itu. Bila terlihat demikian maka budak itu pun sangat-lah ketakutan, lalu di-lepaskan-nya ular itu. Dan ia lari berkeliling di-dalam rumahnya, ular itu terus menghambat dia. Ta'tahu macham mana ikhtiar yang hendak di-buatnya, lalu ia lari ka-luar rumah sambil menjerit-jerit minta' tolong.

Budak itu lari berkeliling di-halaman rumahnya, ular itu maseh juu mengejar-nya. Sa-hingga lelah-lah (penat) budak itu berlari-lari, untuk melepaskan diri-nya dari ular itu, tetapi tiada dapat.

Mujor-lah bapa budak itu ada di-rumah, ia sedang membelah kayu api di-dalam sa-buah bangsal kuda di-belakang rumah-nya. Bila ia mendengar suara jeritan anak-nya meminta'



tolong, maka ia pun datang, di-lihat-nya sa-ekor ular bisa sedang mengejar anak-nya. Dengan tidak lengah lagi lalu di-angkat-nya kapak yang telah pun sedia ada di-tangan-nya dan di-tetak-nya kepala ular itu, serta di-pijak-pijak-kau-nya dengan kasut-nya. Ular itu pun mati-lah.

Kemudian budak itu mengucapkan berbanyak-banyak terima kaseh kepada bapa-nya dan ia mencheritakan kepada bapa-nya bagaimana mula-nya berlaku kejadian itu daripada awal hingga sa'at ia menjerit minta' tolong.

Maka kata bapa-nya: "Wahai anak-ku, hendak-lah kamu jauhi daripada orang yang, jahat! Dan jangan-lah kamu berbuat baik pada orang yang bukan layak-nya. Orang yang jahat itu sentiasa mencari jalan dan ikhtiar supaya kita alfa sahaja, untuk menjatoh dan memberi binchana kepada kita. Hendak-lah engkau beringat-ingat hai anak-ku!"

CHERITA III.
BATU JULANG
(SITA IJAH)

Ada dua orang miskin laki isteri. Mereka ada mempunyai dua orang anak yang maseh kanak-kanak lagi. Kedua-dua anak itu kurus-kurus sahaja, sa-orang laki-laki dan sa-orang perempuan.

Mereka itu miskin benar, kadang-kadang dapat makan dan kadang-kadang tidak. Rumah mereka sa-buah pondok burok yang sudah bochor atap-nya.

Kedua-dua anak itu tidak pernah mendapat makanan yang chukup, jauh sa-kali daripada benda-benda makanan yang mengandungi zat-zat. Bila mereka mendapat sa-suatu makanan berebut-rebut-lah kedua beradek itu makán dengan nafsu yang lahap seperti anak burong yang tawa.

Suatu pagi ibu mereka memasak bubor nasi. Anak-nya yang laki-laki sudah lama du-dok menantikan bubor itu masak. Terasa di-

lidah-nya akan makanan itu. Ta' berapa laina bubor itu pun masak, lalu di-angkat oleh ibu-nya dan di-berikan-nya kepada anak laki-laki-nya sa-piring. Maka kata ibu-nya: "Makan-lah, ini untok-mu, tetapi jangan engkau bangunkan adek-mu, kerana aku membuat sedikit sahaja, yang tinggal ini untok bapa-mu."

Sabentar sahaja bubor yang di-makan oleh anak laki-laki itu pun habis-lah. Maka teringat-lah ia akan adek-nya yang belum makan apa-apa lagi dari semenjak kemarin. Ia sangat kasehan kepada adek-nya itu, apa-tah lagi melihat adek-nya yang sedang tidor nvenvak. Lalu di-gerakkan badan adek-nya itu sedikit, adek-nya pun terjaga dan di-bisek ka-telinga adak-nya, yang ibu ada membuat bubor nasi. Adek-nya segera bangun dan pergi ka-dapor hendak mendapatkan ibu-nya meminta' bubor itu. Akan tetapi ibu-nya sudah pergi kapada bapa mereka di-hutan bagi menolong menchari kayu api untok di-jualkan.

Kedua-dua anak itu pun menchari-lah bubor yang di-simpan oleh ibu-nya tadi. Telah berjumpa, oleh abang di-berikan-nya kepada adek-nya. Dengan tidak lengah si-adek pun

makan-lah bubor itu sa-hingga habis. Oleh sebab perut-nya sangat lapar, maka bubor itu tiada-lah bersisa lagi.

Kelihatan rasa suka dan senang benar anak-anak itu, sebab perut masing-masing sudah kenvang. Kemudian kedua-dua beradek itu turun bermain-main di-halaman rumah.

Matahari pun beransor terek dan rembang. Burong-burong ta' berterbangan lagi, kelihatan mereka hinggap, berhenti lelah pada chabang dan ranting-ranting kayu serta melindongkan diri di-bawah rumbunan daun-daun kayu daripada terkena cuanaya panas yang terek itu.

Di-hujong kampong sana nampak-lah orang miskin dua laki isteri itu berjalan pulang menuju ka-pondok-nya dengan leteh, lapar dan dahaga.

Sa-telah sampai ka-pondok-nya: oleh si isteri terus naik ka-pondok hendak mengambil bubor yang di-simpan-nya tadi. Tetapi, alangkah kechewa hati-nya, taatkala di-dapati bubor itu ta' ada lagi. Sudah habis di-makan oleh kedua anak-anak-nya. Maka naik-lah amarah pe-

rempuan itu. Dengan perasaan yang amat kesal, lalu di-khabarkan kepada laki-nya: yang bubor itu telah habis di-makan oleh anak-anak-nya.

Mendengar perkataan itu si-bapa pun dengan tidak berfikir panjang lagi, apa-tah amarah-nya pun naik memuchak tinggi, lalu di-pukul-nya anak-anak-nya itu dengan rutan, hingga hanehor rotan-rotan itu. Habis rotan di-ambil-nya pula kayu, lepas sa-ikat, sa-ikat.

Kedua-dua anak kecil itu meraong-raong kesakitan sambil meminta'-minta' ampuni: "Sudah-lah! Sudah-lah! Tolong-lah bu, nak ta' kan buat lagi. Adoh bu, adoh pak; ampun-lah, ampun-lah pak. Jangan-lah pukul lagi pak.... bu.... ! Dah berdarah badan-ku bekas rotan bu! Pak, nak ta' kan makan lagi bubor bu. Pak, sudah-lah! ampuni-lah nak, bu!"

Kanak-kanak itu maseh jua memekek kesakitan. Tetapi kedua orang tua laki isteri itu tidak juga mahu mendengar ratap tangis anak-anak-nya.

Agak-nya sudah di-masoki oleh shaitan iblis, ta' di-endah-nya, anak-anak-nya itu terus jua di-pukuli. Hingga kedua-dua anak-nya itu

pengsan, baharu-lah mereka berhenti menukul. Agaknya baharu mereka puas hati.

Lalu mereka naik ka-pondok dan tinggal-lah kedua-dua anak itu di-tengah halaman dalam keadaan parah kesakitan.

Sa-telah beberapa lama, maka sedarlah kedua kanak-kanak itu dari pengsan. Masing-masing merasai badan-nya sakit lebam-lebam dan bengkak, serta pechah-pechah melecher merah kena rotan.

Maka merangkak-lah si-abang itu mendapatkan adek-nya. Di-pangku-nya adek-nya itu serta di-chium-nya, kerana sangat sedeh melihat adek-nya terjadi demikian. Dengan tangisan yang tersedu-sedu ia berkata kepada adek-nya: "Dek, ka-mana-lah kita na' pergi, dek! Kita ta' di-sayang oleh ibu bapa kita lagi. Mari-lah kita pergi ka-atas Batu Jenjulang di-sana dek . . .", sambil ia berkata itu ayer mata-nya meleleh keluar ta' terhingga lagi, sampai berchuchoran jatoh ka-atas muka adek-nya yang sedang di-pangku-nya itu.

Kemudian bangun-lah ia mendukong adek-nya itu dan berjalan tertateh-tateh menuju

kapada Batu Jenjulang yang terletak di-bela-kang pondok mereka. Sampai di-situ kedua-dua beradek itu pun naik-lah dudok di atas Batu Jenjulang yang lebar itu.

Hari sudah senjakala dan beransor malam. Hendak naik ka-atas pondok; kedua kanak-kanak itu takut pula kapada ibu bapa mereka, kalau-kalau di-pukul-nya lagi.. Tinggal di-luar pondak pun takut juga.

Dalam mereka sedu sedan berfikir-fikir itu, tiba-tiba muncul-lah chahaya bulan di-balek bukit sana. Tetapi chahaya bulan yang gembilaung itu tidak dapat menggirangkan hati ke-dua anak-anak itu.

Sambil menangis itu, dengan perasaan yang sayu pilu meratap-lah mereka, kata-nya:

• Julang, julang Batu Jenjulang,
Julangkan kami ka-langit luas,
Ibu dan bapa' sudah berang:
Kerana makan bubor perawas.

Sudah habis rotan sa-kerat,
Sudah habis kayu sa-ikat;
Pemukuli kami anak melarat."

Di-ulang-nya kata-kata itu berkali-kali dengan perasaan yang sedeh dan berchuchoran ayer mata.

Dengan penoh kevakinan di-ulang-nya lagi nyanyian itu, dan dengan penoh harapan meminta' supaya batu itu bergerak ka atas:

“Julang, julang Batu Jenjulang,
Julangkan kami ka-langit luas,
Ibu dan bapa sudah berang;
Kerana memakan bubor perawas.

Sekonvonong-konyong batu itu pun bergerak naik sadikit, demik sadikit. Maka berhentilah mereka tiada meratap lagi. Batu itu pun merapak bunyi sa-olah-olah mengaku akan permintaan kanak-kanak itu.

Makin lama makin tinggi-lah batu itu mclavang ka-angkasa, dan terdengar-lah suara kedua kanak-kanak itu sayun-sayun ka-bawah mengulangkan kata-kata tadi supaya batu itu sa-makin tinggi.

Kedua orang tua mereka yang dari tadinya tiada menghirau akan anak-anak-nya lagi, sekarang /sa-telah mendengar suara anak-anak-



nya sudah jauh dan sayup-sayup, baharu-lah sedar dan terus melompat terjun ka-tanah dengan cheinas. Tetapi, sayang! Sudah terlambat, anak-anak-nya tidak ada lagi di-situ, telah jauh melayang ka-atas awangan. Suara-nya sahaja yang maseh terdengar verhiba-hiba melagukan kata-kata tadi.

Orang tua laki isteri itu baharu-lah merasa insaf akan kesalahan masing-masing, sekarang timbul-lah pilu dan kaseh sayang kepada anak-anak-nya. Teringat akan untong dan nasisib anak-anak yang malang melarat itu.

Oleh ta' tertahan hati si-ibu, lalu berte-^{kan} riak meraung-raung memanggil anak-anak-nya: "Wahai anak-ku, buah iantong hati ibu, turun-lah ka-bawah nak . . . ! Ibu dan bapa ta' akan marah. dan ta' akan pukul lagi nak . . . !"

Sama ada di-dengar atau tidak-nya suara ibu mereka itu ta' dapat-lah di-tetapkan. Chu-^{ma} suara hiba dan ratap tangis anak-anak itu sahaja yang maseh kedengaran:

"Julang, Julang Batu Jenjulang,
Julangkan kami ka-langit luas,
Ibu dan bapa sulah berang;
Kerana memakan bubor perawas.

Sudah habis rotan sa-kerat,
Sudah habis kayu sa-ikat;
Pemukuli kami anak melarat."

Mendengar itu si-ibu makin meraung-raung ~~menghemnas-hempaskan~~ diri sa-laku orang gila. Tatkala Batu Jenjulang itu sampai klangit, maka kanak-kanak itu pun hilang-lah di-dalam awang-awangan. Sa-bentar, maka Batu Jenjulang itu jatoh-lah kembali ka-bawah dan menimpa kedua orang tua (laki isteri) itu, lalu mati.

Demikianlah, lenyapnya riwayat dua ibu'bapa yang ainat kejam kapada anak-anaknya itu.



CHERITA IV.

HARTA

YANG TIDAK HALAL

Baso, ada-lah sa-buah negeri kecil, dudok-nya di-antara Bukit Tinggi dan Paya Kumbuh di-Minangkabau . Sunggoh pun negeri-nya kecil, tetapi orang-orang sangat ramai mengunjong (melawat) ka-sana, kerana di-negeri kecil itu ada sa-buah sungai yang mempunyai suatu riwayat vang ajaib.

Ayer sungai itu berkumpul dalam sa-buah kolam, di-sini di-dapati hidup beribu-ribu ekor ikan yang sangat jinak. Sungai tersebut di-namai orang Sungai Jerneh. Jikalau ada orang datang melawat-lawat ka-sungai itu, maka ikan-ikan tadi pun berkerumun-lah di-tepi-tepi kolam sambil berbunyi saperti chit.... chit.

Kerapkali orang-orang yang datang ka-situ menaborkan beras ka-dalam ayer itu, dan beras ini di-makan oleh ikan-ikan tadi.

Jika ada sa-siapa yang berhajat atau berniat sa-suatu, maka di-sebut-nya-lah niat itu di-

tepi kolam tadi, sambil ia turun masuk ka-dalam ayer kolam dan di-chuba-nya menangkap ikan kolam itu sa-ekor. Sa-kira-nya niat itu harus akan di-kabulkan, maka dapat-lah ia menangkap ikan sa-ekor.

Menurut cherita pendudok-pendudok negeri Baso: ikan ini tidak boleh di-makan, dia juga akan turut mendapat penyakit kalau ada bahaya hawar di-negeri itu. Waktu penyakit chachar sedang bermahara jalēta berjangkit di Minangkabau, maka ikan itu pun turut mendapat penyakit itu pula.

- Dahulu ada sa-orang tua yang telah berumur kira-kira 90 tahun, tinggal di-dekat sungai itu. Dia-lah yang maseh ingat dan tahu akan riwayat Sungai Jerneh itu yang sa-benar-nya.

Sekarang ikuti-lah asal kesah sungai tersebut yang di-cheritakan oleh orang tua ini:

Zaman dulu di-sabuah kampong yang berhampiran dengan Sungai Jerneh itu, tinggal sa-orang perempuan janda dengan dua orang anak-nya yang maseh kanak-kanak lagi. Anak-anak itu berumur 10 dan 8 tahun, sa-orang laki-laki dan sa-orang perempuan.

Suatu hari janda dengan anak-anak-nya ini pergi mengunjungi jamuan dan keramaian besar. Anak-anak-nya itu di-beri memakai pakaian yang indah-indah mengikut adat orang-orang di-Minangkabau. Yang laki-laki bersongkok beldu warna merah bertatah dengan tabor emas, berbaju beldu yang di-tutup dengan kanching wang emas. Kain sarong-nya ia-lah kain di-tenun dari benang emas, kelihatan berkilaunkilauan.

Anak perempuan-nya pula memakai baju kurong satin hijau, berselendang kain, kalapak dari benang emas juga. Di-leher-nya tergantong rantai lehar (kalong) yang berbentuk ikan, kuda, ayam dan lain-lain semua-nya di-perbuat daripada cincin urai.

Demikian-lah adat atau kebiasaan orang-orang di-Minangkabau, jika mereka ada anak-anak yang hendak di-bawa ka-mana-mana pesta atau keramaian atau jamuan khenduri, maka anak-anak itu di-beri memakai pakaian atau perhiasan yang sesuai dengan kedudukan ayah bonda-nya mengikut dalam pergaulan hidup sahari-hari.

Perempuan janda itu terkenal sa-bagai sa-orang yang kaya, mempunyai sawah ladang



yang luas, kerbau, sapi yang berpuak, dan Balai A'dat yang sangat indah serta besar.

Sa-telah sampai di-tempat keramaian itu, maka ibu dan anak-anak-nya tadi dudok-lah ditikar yang telah sedia terhampar. Mereka dijamu dengan makan minum sa-puas-puas-nya. Sa-telah itu anak-anak di-benarkan pergi ka-halam rumah itu melihat permainan-permainan yang telah di-adakan: seperti panchak silat, tari piring dan lain-lain. Penoh sesak halaman itu dengan kanak-kanak dan orang dewasa. Semua-nya berhias dan berpakaian yang chantek-chantek. Gegak dan ramai-lah terdengar suara orang berchampor dengan suara bunyi-bunyian.

Hari pun mulai hampir senja, si-ibu tadi meminta izin akan pulang. Sa-telur dari pada itu dia hendak mengambil anak-anak-nya dahulu. Maka di-chari-nya anak-anak-nya di-tengah-tengah orang banyak itu yang sedang beransor-ansor pula berangkat ka-rumah masing-masing. Akan tetapi anak-anak yang dua orang tadi ta' ada nampak di-gelanggang permainan itu. Oleh janda itu di-chari-nya ka-sana ka-mari, tiada juga berjumpa.

Menurut khabar kawan-kawan-nya.

kanak-kanak yang dua beradek itu telah pulang. Sa-telah mendengar khabar ini, si-ibu pun pulang-lah, akan tetapi dia merasa sangat hairan, manakala dia sampai ka-rumah di-dapati pintu rumah-nya maseh terkunchi. Jiran-jiran di-sekeliling rumah-nya pun belum melihat anak-anak itu pulang. Hati si-ibu mulai chemas. Di-pergi-nya pada tiap-tiap buah rumah yang berdekatan, ditanya-nya kalau-kalau mereka ada melihat anak-nya itu, tetapi sa-orang pun tidak ada yang melihat.

Bedok maghrib pun telah di-palu orang, hari semakin gelap. Sahabat handai si-janda ini maseh juga menchari anak-anak yang hilang itu, mereka menyuloh ka-segala cherok kampong itu, walau pun anak-anak itu belum didapati jua. Si-ibu sangat sedeh dan menangis tersedu-sedu, dia merasa takut dan chemas akan nasib anak-anak-nya. Hingga larut malam orang ramai di-rumah-nya, memujok supaya dia bersabar.

Telah hari hampir siang, mata si-ibu terpejam sa-bentar, dalam masa itu dia bermimpi: sa-orang perempuan tua telah datang dan berkata kapada-nya: "Anak-anak-mu itu telah

jatoh masok ka-dalam Sungai Jerneh. Harta benda serta kekayaan-mu yang banyak ini, adalah semua-nya kau dapati dengan jalan tidak halal, hingga sekarang engkau telah mendapat suatu chubaan sebagai pelajaran. Esok pagi-pagi pergi-lah engkau ka-sungai itu, taborkan beras ka-dalam ayer dan panggil-lah anak-anak-mu."

Sa-bentar orang tua yang berkata-kata itu pun hilang-lah (*gha'ib*) dari mata-nya, maka si-ibu pun tersentak jaga. Dia mencheritakan mimpi-nya itu kepada kaum kerabat dan sahabat handai-nya.

Sesudah orang-orang di-rumah itu sembahvangan subuh, maka mereka pergi-lah ka-sungai tadi, membawa beras beberapa genggam. Sampai sahaja di-sana, beras itu pun di-taborkan, dan di-panggilkan anak-anak-nya. Sa-bentar itu jua datang-lah dua ekor ikan besar yang amat indah-indah rupa-nya, bersisek perak dan bersirek emas. Beras yang telah di-tabor tadi dimakan-nya sambil berbunyi saperti chit.... chit!

Ikan yang dua ekor ini hidup sampai 45 tahun umor-nya. Mereka-lah yang menjadi ne-

nek ikan yang beribu-ribu banyak-nya, hingga sekarang maseh ada lagi keturunan-nya di-Sungai Jerneh itu. Pada keturunan yang ketiga, hilang-lah sisek perak dan sirek emas itu.

Khabar-nya, perempuan janda tadi telah bertobat, sa-bahagian daripada harta benda-nya yang tidak halal itu di-sedekahkan kapada orang-orang miskin dan melarat.

Dia telah pergi ka-Makkah (Tanah Suchi) bagi menunaikan fardzu haji dan terus tinggal tetap di-sana.

Hingga sekarang orang-orang maseh banyak datang melawat ka-Sungai Jerneh, melihat ikan yang jinak-jinak itu. Pendudok-pendudok kampong Sungei Jernah telah bersumpah: tidak akan memakan ikan-ikan yang berasal daripada manusia itu. Persumpahan tersebut belum pernah lagi di-langgar orang.

Riwayat Sungai Jerneh ini telah tersibar ka-merata-rata. di-cheritakan dari satu mulut ka-satu mulut.

JASA IBU

(K. JOTH.)

Suatu petang sa-telah aku pulang dari pejabat-ku, dudok-lah aku di-kerusi membalek-balek dan membacha akhbar Utusan Melayu keluaran hari itu, yang aku beli sa-masa perjalanan aku kembali tadi. Sambil pula ku minum teh bagi melepaskan penat lelah di-waktu kerja.

Petang itu udara sunggoh nyaman dan menyegarkan badan. Sa-telah aku dapati isi-isi berita keluaran hari itu tidak ada yang bagitu panas dan berat untok di-fikirkan maka tangan aku perlahan-lahan jatoh meletakkan akhbar itu di atas meja di-hadapan-ku, sambil mata-ku menghala keluar menerusi jendela yang berada di-sisi-ku, memandang kapada daun-daun kelapa yang menghijau sedang melambai-lambai di-hembus bayu. Sunggoh subor dan ma'amor pohon-pohon kelapa yang menjadi lambang dan menghiasi tanah aver kita ini! Sedang aku 'ashek meni'mat dan memuji-muji keindahan itu tiba-

tiba ingatan-ku kembali melayang ka-masa da-hulu, masa aku di-pelihara dan di-jaga oleh ibu-ku dengan penoh kaseh mesra.....

Ayah-ku telah meninggal dunia sa-masa aku maseh dalam rahim (perut) ibu-ku lagi. Kematian-nya, hanya ada meninggal sadikit sa-banyak harta pusaka. Pusaka dari hasil penat jereh tulang empat kerat-nya yang halal. Dengan peninggal-nya itu dapat-lah aku hidup dengan tidak terdesak saperti kaum peminta' sedekah yang terpaksa menadah tangan meminta-minta ka-sana ka-mari sa-hari-hari. Dia di-ben-chi, dia di-chachi oleh orang ramai. Pada hal sa-tengah-tengah-nya peminta-minta sedekah itu ada-lah dari orang yang betul-betul kesempitan hidup. Ta' ada-kah orang-orang kaya yang ingin membela nasib segala mereka yang terbiar itu?


Sekarang aku menjaga harta pusaka peninggalan ayah-ku dengan baik dan menchari tambah lagi kapada harta yang ada itu supaya menjadi kekal banyak.

Masa Allah Yarhamah ibu-ku maseh ada: dia mendidek dan mengajar aku dengan muka yang jernih.

Bila umor-ku meningkat enam tahun, di-hantar-nya aku belajar dalam sa-buah sekolah Melayu yang tidak berapa jauh dari kampung kami. Ibu-ku sentiasa niemperingat aku supaya jangan chuai-chuai dalam segala pelajaran. Besar-lah aku dengan jagaan dan didekan ibu-ku yang sempurna dan ibu-ku yang sangat aku kasih itu. Dalam pada itu juga dia tidak lupa menaborkan berbagai-bagai nasihat yang berguna bagi panduan hidup-ku di-masa hadapan.

Sambil menjaga harta peninggalan ayah-ku, ibu-ku membuat kueh dan di-letak-nya jual di-kedai-kedai. Dengan usaha ibu-ku bagini sahari-hari dapat-lah menambah lagi kesenangan untuk keperluan hidup dan perbelanjaan sekolah-ku. Bukan ibu-ku memandang untuk hari ini sahaja, untuk hari ini telah pun chukup; tetapi dia beringat dan bersedia untuk masa-masa yang akan datang.

Sa-kembali aku dari sekolah aku tidak pula lupa menolong dan membantu kerja-kerja ibu-ku di-rumah saperti mengambil ayer, membersih rumah tangga, menyapu halaman dan lain-lain kerja yang sesuai dengan kerja kanak-kanak saperti aku.



Di-sekolah aku selalu pula mendapat kepujian dari guru-guru dan kawan-kawan-ku. Tetapi aku ta'mahu bermegah-megah dengan segala pujian itu, aku terima dengan tenang dan sa-balek-nya ku-jadikan segala puji-pijian itu sa-bagai perangsang untok aku belajar lebeh giat lagi terus minerus.

Menurut keterangan dan cherita dari mulut orang tua-tua yang berhampiran dengan kampung-ku bahawa ibu-ku di-masa kecil-nya sangat-lah rajin belajar: baik dalam pelajaran Melayu dan agama.

Bukti-nya, waktu malam: masa itu agak lapang segala kerja ibu-ku, dia selalu menunjok ajar pada-ku sama ada dalam pelajaran sekolah-ku (pelajaran Melayu) dan pelajaran agama Islam yang wajib di-ketahui dan di-pelajari oleh tiap-tiap orang yang mengaku diri-nya beragama Islam yang maha suchi.

Beberapa tahun kemudian, kerana kuat ajaran dan usaha tabah-ku dalam pelajaran maka aku pun tammat-lah dalam pengajian Melayu sa-takat darjah lima. Sekolah di-daerah kampung-ku ini hanya darjah lima-lah yang sa-

habis tinggi, ta' ada darjah laiu yang lebeh tinggi untok meningkat. Oleh sabab umor-ku maseh muda, ehe' gu aku telah mengeshor-kan kapa-da aku supaya mengambil peluang masok peperek-saan pilehan untok melanjutkan pelajaran ka-sekolah Inggeris ia-itu dengan perbelanjaan bantuan Kerajaan. Sa-telah aku mendapat per-setujuan dari ibu-ku, aku pun masok-lah pepe-reksaan tersebut. Akhir-nya lepas sa-minggu aku telah menerima keputusan dari guru-ku bahawa yang aku dapat masok belajar ka-sekolah Inggeris. Alang-kah riang hati ibu dan aku bila mendengar perkhabaran itu! Aku pun masok-lah belajar di-sekolah yang di-tetapkan oleh Kerajaan itu.

Bagaimana aku di-sekolah Melaya dahu-lu, bagitu-lah jua sa-masa aku di-sekolah Inggeris, ibu-ku tidak jemu-jemu memberi kata-kata nase-hat pada-ku, semua nasehat itu aku tetap terima dan sematkan dalam hati-ku hingga ka-masa ini untok jadi pedoman ka-masa akan datang.

Satu lagi yang ta' dapat ku-lupa ia-lah pada suatu masa: ketika aku sedang di-hinggapi penyakit demam panas, amboi bukan main lagi kuat-nya sakit-ku itu! Sa-telah di-pereksa oleh

tabib (doktor); ibu-ku menjaga dan memberi makan ubat pada-ku dengan tidak melupakan waktu-nya. Dia sentiasa berada di-samping-ku sa-hari-hari merawat aku dengan bermacham-macham kepayahan. Kadang-kadang meleleh ayer mata-nya bila mengenangkan kerunsingan tersebut.....

Sa-telah beberapa tahun berselang, dengan berkat do'a ibu-ku aku pun tammat-lah dalam Ujian Sekolah Inggeris-ku yang paling akhir sa-kali, sa-telah melalui dan menchapai kelulusan dalam tiap-tiap kali pepereksaan.

Sekarang aku telah dapat menjawat jawatan kerani dalam Pejabat Pelajaran di-bandar-ku, ia-itu hasil dari jasa didekan ibu-ku yang ku-chintai. Tetapi apakan daya! Ta' sempat lama aku hendak membala segala keperahan dan jasa ibu-ku terhadap-ku sa-lama itu, oleh kerana dia telah pergi menyahut seruan Tuhan kembali ka-Rahmattullah, sa-lepas lebeh kurang tiga bulan daripada aku mulai menjawat jawatan kerani

itu. Aku ta'dapat kata apa-apa atas kehilangan ibu-ku dengan tiba-tiba itu sa-telah dia mengidapi demam panas yang terok sa-lama tiga hari.

Walaupun aku ta' sempat hendak membalas jasa-jasa-nya yang ta' ternilai itu tetapi aku sentiasa membacha ayat/ayat suci dari Al-Qur'an pada tiap-tiap malam Juma'at mogamoga Tuhan limpahkan rahmat ka-atas roh ibu-ku yang mulia juga bapa-ku yang sama-sama mereka bersemadi di-bumi Allah.

TAMMAT
